

Rujukan kami : JUPEM 18/7/2.148 (75)

Tarikh : 27 Jun 2005



Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Topografi

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 5 TAHUN 2005**

PERUBAHAN WAKTU KERJALUAR

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan waktu kerjalar selaras dengan pelaksanaan keputusan Kerajaan mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu bagi perkhidmatan awam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan keputusan Kerajaan mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005. Pelaksanaan ini bertujuan membolehkan pegawai dan kakitangan untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga selain menggalakkan industri pelancongan negara serta dapat mengoptimumkan masa urusan di antara jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.

2.2 Berikutan pelaksanaan tersebut, waktu bekerja di pejabat telah dilanjutkan sepertimana yang terdapat dalam pekeliling berkenaan. Perlanjutan waktu bekerja ini dibuat dengan menggantikan masa kerja pada hari Sabtu kepada hari kerja yang lain. Dalam hal yang demikian, waktu kerjalar bagi pasukan kerjalar di JUPEM Negeri dan Seksyen Topografi akan turut dilanjutkan selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2005.

3. WAKTU KERJALUAR

Waktu kerjalar yang baru bagi pasukan kerjalar di JUPEM Negeri dan Seksyen Topografi adalah ditetapkan seperti berikut:

3.1 Waktu bekerja di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya seperti berikut.

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	7.15 pagi - 3.40 petang
Jumaat	7.15 pagi -12.15 tengahari

3.2 Waktu bekerja di Kedah, Kelantan dan Terengganu seperti berikut:

Hari	Waktu Bekerja
Ahad - Rabu	7.15 pagi - 3.40 petang
Khamis	7.15 pagi - 12.15 tengahari

3.3 Waktu bekerja di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak seperti berikut:

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	6.15 pagi - 2.40 petang
Jumaat	6.15 pagi - 11.15 pagi

3.4 Waktu rehat tengahari bagi waktu bekerja hari Isnin – Khamis (para 3.1 dan 3.3 dan Ahad – Rabu (para 3.2) adalah dibenarkan selama 40 minit.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hanya terpakai kepada pegawai dan kakitangan yang ditugaskan bagi melaksanakan aktiviti kerjalar secara sepenuh masa.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian pekeling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai **1 Julai 2005**.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeling KPUP Bil. 2 Tahun 2004 bertajuk “ Waktu Kerjalar ” adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' HAMID BIN ALI)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster